

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14 JULY 2016

# Parti Mahathir dijangka berkubur

BH- 14/7/2016

➔ Perjuangan gerakan siasah baharu diramal tak mampu jejas kedudukan BN, UMNO

Oleh Rohaniza Idris dan Fahmy Azril Rosli  
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

**P**arti politik baharu yang dikatakan akan diterajui bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan menerima nasib sama seperti Parti Melayu Semangat 46 dan PKR.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata sebarang parti baharu tidak mungkin menggugat kedudukan UMNO dan Barisan Nasional (BN).

"Sudah ada banyak parti ditubuhkan sebelum ini, namun semua gagal.

"Parti serpihan UMNO, Parti Melayu Semangat 46 pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah dan PKR diasaskan Datuk Seri Anwar Ib-

rahim serta Parti Amanah Negara pimpinan Mohamad Sabu atau Mat Sabu, juga tak mampu kalahkan UMNO," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz mengalu-alukan keputusan Dr Mahathir untuk membangkang kerajaan secara sah.

"Rakan-rakan yang tidak sehaluan dengan UMNO seperti Tan Sri Muhyiddin Yassin boleh dilantik menjadi Naib Presiden, Datuk Seri Mukhriz Mahathir boleh jadi Ketua Pemuda, manakala Tan Sri Rafidah Aziz sebagai Ketua Wanita," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Suhaimi Shahadan, berkata penubuhan parti yang dikatakan bakal diterajui Dr Mahathir itu tidak kena dengan masanya ke-

rana suasananya tidak sama ketika bekas Perdana Menteri itu berada dalam kerajaan.

**Jangan mudah terpengaruh**  
Beliau menasihatkan ahli UMNO tidak terpengaruh dengan 'permainan' terbaru Dr Mahathir.

Seorang lagi ahli MT UMNO, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, berkata kalau benar parti itu mahu ditubuhkan, ia tidak akan berjaya kerana agendanya bersifat peribadi mahu menjatuhkan Najib.

"Bukan sahaja tidak akan dapat sokongan ahli UMNO, parti itu juga tidak akan dapat sambutan parti pembangkang kerana agenda mereka berbeza," katanya.

Sementara itu, Penganalisis Politik, Prof Dr Sivamurugan Pandian, berkata parti baharu sukar untuk menandingi parti lama yang sudah lama bertapak dalam arena

politik tanah air.

Katanya, parti seperti BN, PAS dan DAP adalah parti yang kuat, dipercayai ramai dan mempunyai jentera yang kukuh.

"Agenda parti baharu juga perlu jelas dan tidak hanya ditubuhkan sekadar untuk mengumpul sokongan untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semata-mata.

"Pada masa ini, ramai yang melihat agenda parti baharu itu hanya berkisar kepada usaha menyingkirkan Najib," katanya.

Kelmarin, bekas ahli UMNO, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan, antara individu yang mengasaskan deklarasi Dr Mahathir dan Lim Kit Siang, dilaporkan berkata bekas perdana menteri itu akan mengetuai satu parti baharu dan bekerjasama dengan pembangkang untuk melawan BN pada pilihan raya umum akan datang.